

21/02/1998

Skim saham amanah perlu kelulusan SC

SEBARANG rancangan untuk menubuhkan skim saham amanah termasuk yang dicadangkan bagi menggerak dana di kalangan wanita, mesti memperolehi kelulusan Suruhanjaya Sekuriti (SC) sebelum dilaksanakan.

Merujuk kepada laporan akhbar baru-baru ini mengenai usaha mewujudkan sebuah skim saham amanah untuk wanita, SC berkata, sebarang skim seumpama itu tertakluk kepada kelulusannya seperti yang diperuntukkan mengikut Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Peraturan Suruhanjaya Sekuriti (Skim Saham Amanah) 1996.

"Peraturan itu menetapkan skim saham amanah tidak boleh diterbitkan, diadakan atau ditawarkan kecuali selepas prospektus dikuatkuasakan dan surat amanah didaftarkan dengan SC.

"Ia juga menetapkan bahawa tidak ada seoranganpun boleh bertindak sebagai pengurusan, syarikat atau pemegang amanah kecuali ia diberi kelulusan oleh SC," kata badan itu dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

SC berkata, setakat ini ia hanya menerima permohonan untuk menubuhkan Amanah Saham Wanita. Permohonan itu sedang ditimbang oleh SC dan keputusan akan dibuat pada masa yang sesuai.

Pada 7 Februari lalu, Pergerakan Wanita Barisan Nasional (BN) menggerakkan satu skim saham amanah yang dikenali sebagai Pelaburan Ehsan Wanita yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Amanah saham itu yang bertujuan menggerak tabungan di kalangan wanita bermula dengan dana permulaan RM500 juta hingga RM1 bilion. Sehingga pelancaran itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, butir terperinci termasuk jumlah sebenar dana amanah saham wanita itu belum ditetapkan manakala SC masih lagi mengkaji dengan terperinci kaedah pelaksanaan dan mekanisme bagi memudahkan pengurusannya.

Dalam kenyataan semalam, SC turut mengingatkan pelabur walaupun saham amanah kurang berisiko berbanding pelaburan langsung dalam pasaran saham, ia turut memberi risiko dan harganya mencerminkan nilai aset bersih dana itu yang bergantung kepada prestasi portfolio pelaburan dana berkenaan.

"Perbezaan juga mesti dijelaskan di antara kutipan dana menerusi skim saham amanah dan menggerakkan wang daripada pelabur menerusi pengurus dana berlesen.

"Sekiranya ia digerakkan menerusi pengurus dana berlesen, ia mesti mematuhi syarat Akta Industri Sekuriti 1983," katanya.

Antara lain, ia termasuk syarat supaya diwujudkan akaun pelabur yang berasingan dan perjanjian pengurusan pelaburan yang berasingan bagi setiap pelabur yang menyerahkan wang kepada pengurus dana berlesen.

(END)